



Bunga disemat sambut ketibaan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

■ Pengerusi Kebangsaan Pergerakan Puteri Islam, Toh Puan Norashikin Ismail menyematkan bunga kepada Raja Permaisuri Agong (kanan) ketika baginda tiba di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, di Bangi semalam untuk melancarkan pergerakan tersebut.

Memerhatikan ialah Setiausaha Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Puan Lily Majeed (tengah) dan Datin Salbiah Abdul Hamid (kiri sekali).

Hadir sama dalam majlis itu ialah Yang Dipertua Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Tengku Puan Besar Kusrilah. — Gambar Berita Harian.

No
No

Mulakan didikan agama di rumah: Permaisuri Agong

Bahan asal dari Arklb

Negara Malaysia

BANGI, Rabu

RAJA Permaisuri Agong hari ini mengingatkan ibu bapa tidak harus melepaskan soal pendidikan anak-anak kepada guru di sekolah saja.

Bertitah merasmikan pelancaran Pergerakan Puteri Islam Kebangsaan, di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, di sini, hari ini, baginda menekankan pentingnya pendidikan, khususnya pendidikan agama Islam dan keimanan hendaklah bermula di rumah hingga ke sekolah.

Baginda ingin melihat hasil dari penglibatan anak-anak dari berbagai bidang mereka ceburi.

Titah baginda, anak-anak haruslah bijak memilih bidang tertentu dalam hidup untuk bekalan dunia dan akhirat.

Raja Permaisuri Agong turut menjelaskan

anak-anak haruslah sentiasa dibimbing agar mereka menjadi orang berguna kelak.

Sebelum itu, Pengerusi Kebangsaan Pergerakan Puteri Islam, Toh Puan Norashikin Ismail berkata: "Setelah mengkaji semua aspek mengenai apakah khidmat positif boleh disumbangkan oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Islam sebagai satu badan kebajikan, inilah ditubuhkan Pergerakan Puteri Islam meliputi anak gadis di sekolah, di tempat kerja seperti di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta dan di mana saja ada kumpulan gadis ingin memasuki pergerakan ini."

Bellau memberitahu pergerakan tersebut

akan bergerak di atas tiga asas iaitu beriman, beramal dan berkhidmat.

Dengan asas tersebut, beliau berharap dapat membawa gadis Islam ke arah kemajuan yang progresif tanpa mengeneipkan suruhan Allah.

Meliputi

Bercakap mengenai beriman, beliau berkata: "Iman ialah tiang kesempurnaan hidup manusia, pergerakan ini akan mendidik dan mengasuh anak-anak supaya imannya kukuh, berakhlak mulia, berhemah tinggi dan tahu membezakan di antara baik dan buruk, apa yang disuruh dan apa yang ditegah oleh Allah.

"Beramal pula bererti membuat sesuatu dengan penuh kepercayaan, bersemangat dan tidak terikat kepada amalan agama saja," ujarnya.

Katanya, dalam konteks ini Pergerakan Puteri Islam akan menyemai semangat ingin menuntut ilmu pengetahuan sehingga peringkat paling tinggi boleh dicapai tidak mengira susah payahnya, menceburkan diri dalam semua bidang yang memberi faedah kepada diri, masyarakat dan negara.

Beliau memberitahu asas ketiga, berkhidmat bererti mengorbankan masa dan tenaga untuk kebajikan dan memperbaiki taraf hidup dalam sesuatu masyarakat dan sikap bertanggungjawab atas segala kewajibannya.